



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

TINGKAT 4, BLOK A & B, WISMA NEGERI, NO. BEG BERKUNCI 39,
JALAN DATO' ABDUL KADIR,
70990 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.
www.ns.gov.my/ptgns

Pentadbiran : 06-765 9826/9831
Pembangunan : 06-765 9823/9835
Hasil : 06-765 9949/9756

Pendaftaran (Urusniaga/Bukan Urusniaga) : 06-765 9842/9843
Pendaftaran (Hak Milik Strata) : 06-765 9839/9793
Faks (Pengarah) : 06-762 2563
Faks (Pendaftaran Hak Milik Strata) : 06-767 4369
Faks (Pendaftaran Urusniaga/Bukan Urusniaga) : 06-765 9048

Ruj. Kami : Bil (31) dlm PTG.NS 10/17 klt.3

Tarikh : 23 Mac 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

SURAT ARAHAN BERKAITAN PENAMBAHBAIKAN PROSEDUR PENGURUSAN DOKUMEN MESYUARAT MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bahagian Dewan Undangan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan telah mengeluarkan surat berkaitan penambahbaikan prosedur pengurusan dokumen mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan bil (53) SUKNS.(R).600-4/2/1(2021) bertarikh 18 Mac 2020 dan telah diedarkan kepada semua Pentadbir Tanah.

3. Bersama-sama ini dikemukakan format borang maklumat berkaitan alamat premis dan surat menyurat pemohon, alamat emel pemohon dan alamat emel pegawai yang bertanggungjawab (*desk officer*) yang berkenaan seperti di **Lampiran A**. Borang yang telah lengkap hendaklah dikepulkan bersama di bahagian belakang **setiap kertas pertimbangan** yang hendak diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan. Sehubungan itu, tuan/puan hendaklah memastikan semua pemohon mengemukakan maklumat tersebut semasa mengemukakan permohonan di kaunter.

4. Kerjasama dan perhatian tuan/puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN BAHARAN)

Pengarah Tanah dan Galian,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

**MAKLUMAT PEMOHON
UNTUK RUJUKAN BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (BDUN)**

Tajuk Permohonan	:	
No. Rujukan Fail	:	
Nama Pemohon	:	
Alamat Premis	:	
Alamat Surat Menyurat	:	
Emel Pemohon	:	
Emel Pegawai Bertanggungjawab (Desk Officer)	:	